

▼06/11/18-44MST

CNS0134

U PB 06-11 00203 XA090

AAB-DEM

UMNO - Mahathir (Perlembagaan)

MAHATHIR CADANG PINDA PERLEMBAGAAN UNTUK HAPUS POLITIK WANG

(Ulangan Dengan Maklumat Tambahan Pada Perenggan Kelima)

KUALA LUMPUR, 6 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Perlembagaan UMNO akan dipinda bagi menghapuskan budaya politik wang yang membabitkan calon-calon yang ingin bertanding jawatan parti.

Sambil mengingatkan bahawa parti itu akan hancur jika politik wang dibiarkan berleluasa, Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO, berkata, satu Perhimpunan Agung Khas akan diadakan untuk tujuan itu.

Melalui pindaan itu, katanya, mana-mana calon yang terbukti memberi sogokan kepada para perwakilan tidak akan dibenarkan bertanding sebarang jawatan.

"Ibu pejabat UMNO hanya memerlukan tiga orang membuat laporan yang lengkap dengan segala bukti bahawa seseorang calon memberi sogokan dan nama calon itu akan kita gugurkan," katanya dalam ucapan penangguhan pada Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Ketika bercakap pada persidangan akhbar selepas itu, Dr Mahathir berkata, Perhimpunan Agung Khas itu akan diadakan tahun ini juga.

Dr Mahathir membuat cadangan supaya Perlembagaan UMNO dipinda untuk tujuan itu selepas mendapati isu politik wang menjadi topik utama dibincangkan para perwakilan sepanjang perhimpunan itu. -- Lagi.

AH KAM.

▼06/11/18-39MST

CNS0122

U PB 06-11 00154 XA089

AAB DEM

UMNO - Mahathir (Perlembagaan) 2 Kuala Lumpur

Para perwakilan menyatakan persetujuan mereka kepada cadangan itu apabila mereka beramai-ramai mengangkat tangan ketika diminta Dr Mahathir berbuat demikian sebagai tanda setuju diikuti dengan tepukan gemuruh.

Presiden UMNO itu berkata, pindaan berkenaan bukan sahaja melibatkan calon-calon yang bertanding pelbagai jawatan di peringkat pusat tetapi juga di peringkat bahagian dan cawangan UMNO di seluruh negara.

Katanya, para pemimpin yang menggunakan jentera kerajaan untuk berkempen juga akan dihalang daripada bertanding apabila Perlembagaan UMNO dipinda.

"Kita tidak hendak cara ini (guna jentera kerajaan dan sebarang cara rasuah) kerana ia akan merosakkan parti kita," katanya yang disambut dengan tepukan gemuruh tanda persetujuan semua pihak yang mendengar ucapan itu.

Beliau berkata, kalau politik wang dibenarkan berleluasa, para pemimpin yang berbakat tetapi tidak mempunyai wang sudah pasti akan tersungkur dan tersingkir setiap kali parti mengadakan pemilihan. -- Lagi.

AH KAM.

▼06/11/18-24MST

CNS0142

U PB 06-11 00163 XA091

AAB DEM

UMNO - Mahathir (Perlembagaan) 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, para pemimpin yang dipilih kerana wang itu pula akan sentiasa terpaksa berusaha mencari wang untuk terus menyogok anggota parti yang menyokong mereka.

Akibatnya, kata beliau, akan wujudlah pemimpin dan kerajaan yang korup kerana menyalahgunakan kuasa untuk memenuhi kehendak penyokong masing-masing.

"Kalau anggota parti boleh mendapat wang yang banyak dengan begitu senang, mereka mungkin berpendapat tidak perlu bersusah payah untuk bekerja kerana hanya perlu tunggu tiga tahun sekali untuk mendapatkan wang," katanya dengan disambut dengan gelak ketawa para perwakilan dan pemerhati.

Katanya, wang yang banyak itu boleh diperolehi kerana apabila seorang calon yang bertanding memberi RM10, orang lain pula akan beri RM20 dan jumlah itu akan terus meningkat sehingga ada yang mencapai RM100,000. Sebab itu, katanya, UMNO mesti menghapuskan sekarang ini juga amalan politik wang bermula dengan para pemimpin jangan lagi menghantar jam, mesin pengira atau pen. -- Lagi.

AH KAM.

▼06/11/18-49MST

U PB 06-11 00159 XA092

AAB DEM

UMNO - Mahathir (Perlembagaan) 4 Kuala Lumpur

"Kalau ada para pemimpin UMNO yang sudah mempunyai duit banyak untuk dibelanjakan kepada anggota parti, berikan kepada parti dan wang itu akan dibelanjakan kepada semua anggota parti. Barulah adil," katanya yang sentiasa diberi tepukan gemuruh sepanjang bercakap mengenai politik wang.

Merujuk kepada barisan kepimpinan UMNO yang dipilih menduduki pelbagai jawatan di peringkat pusat kali ini, Dr Mahathir berkata, kemungkinan wang mempengaruhi para perwakilan mengundi mereka tidak begitu ketara.

Ini kerana majoriti yang dipilih merupakan para pemimpin yang sudah lama berkhidmat kepada parti dan kerajaan kecuali dua atau tiga orang muka baru, katanya.

Bagaimanapun, kata beliau, penggunaan wang untuk memenangi pelbagai jawatan di peringkat bahagian sepanjang pemilihan parti kali ini amat ketara.

"Saya tidak khuatir sangat (amalan politik wang) di peringkat pusat (kerana majoriti yang dipilih ialah muka lama) tetapi saya khuatir di peringkat bahagian," katanya. -- Lagi.

AH KAM.

▼06/11/18-58MST

CNS0162

U PB 06-11 00141 KA094

AAB DEM

UMNO - Mahathir (Perlembagaan) 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, tiada gunanya seseorang itu memenangi jawatan Ketua UMNO Bahagian sekiranya berlaku perpecahan yang menyebabkan parti mengalami kekalahan dalam pilihan raya.

Ini kerana calon yang kalah pada pemilihan peringkat bahagian dikhuatiri menyisihkan diri daripada parti bersama para penyokong mereka dan akibatnya ketua bahagian yang menang itu menjadi lemah semasa pilihan raya sehingga mereka yang dipilih sebagai calon Barisan Nasional kalah, katanya.

"Kalau kita hilang seorang ahlipun kita mungkin kalah pilihan raya. Kita mahu bahagian-bahagian UMNO kukuh," katanya.

Sehubungan itu, katanya, untuk berlaku adil dalam usaha UMNO menghapuskan amalan politik wang, langkah pertama mesti bermula di peringkat bahagian.

Sebagai mengakhiri ucapannya itu, beliau melahirkan rasa syukur terhadap sambutan baik yang diberikan para perwakilan kepada cadangannya.

-- Bernama.

AH KAM.

▼06/11/19-13MST